

# Jangan jadi hamba di negara sendiri'

BH-2 NOV 1982

PETALING JAYA, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat bahawa mereka akan menjadi hamba di negara sendiri jika terus membiarkan orang asing bekerja dan memenuhi bidang-bidang tertentu.

Perdana Menteri menegaskan, mereka juga akan menjadi hamba jika mengikut cara bekerja orang-orang Barat iaitu perlahan

dengan mengharapkan upah yang tinggi.

"Kita dapati ramai rakyat Malaysia enggan bekerja dalam pelbagai jenis pekerjaan. Ketidaksanggupan ini akhirnya akan menjadikan kita sebagai hamba", tegasnya lagi.

Beliau mengingatkan demikian ketika melancarkan Bulan Daya Pengeluaran Kebangsaan di Hotel Dayang di sini malam ini. Ucapannya dibacakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Perdana Menteri berkata, sekiranya masyarakat Bumipute-

ra danulu sanggup bekerja di ladang-ladang getah dan lombong bijih dan sanggup mempelajari cara-cara berniaga dan berusaha, hari ini mereka tidak akan menjadi cuma satu kaum dalam masyarakat majmuk malah mereka juga tidak akan menjadi kaum yang lemah dan ketinggalan zaman.

## Tidak rugi

"Jika mereka tidak mahu sekali lagi tertinggal di belakang, mereka mesti sanggup bekerja dalam semua bidang dan bekerja dengan kuat dan rajin. Pengeluaran mereka mestilah setan-

ding atau lebih tinggi dari kaum-kaun lain," tegasnya lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, rakyat tidak akan rugi jika bekerja kuat. "Oleh itu, sanjungilah kerajinan sebab kita tidak akan rugi kerananya," jelas beliau.

Katanya, amalan Barat iaitu mengikut rentak bekerja yang perlahan akan menggugat daya pengeluaran.

"Kita sepatutnya berlumba-lumba untuk mengeluarkan perkhidmatan atau barangan dengan sebanyak-banyaknya dengan mutu yang tinggi dalam masa yang ditentukan," tegasnya.

Kata beliau, mungkin ada yang terfikir bahawa cara itu akan menjadikan seseorang pekerja menjadi hamba kepada majikan atau terlalu mengejar kejayaan kebendaan.

Tetapi, kata beliau, dalam dunia yang berlumba-lumba ini, daya pengeluaran yang rendah akan menyebabkan kekalahan dalam pasaran dan akhirnya pengangguran pekerja atau sekurang-kurangnya pendapatan mereka tidak akan meningkat.

## Kepentingan

Secara tidak langsung, orang yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah akan menjadi hamba kepada orang lain. "Oleh itu, untuk kepentingan diri, jika tidak kepentingan syarikat dan perusahaan atau kepentingan negara, pekerja mestilah bekerja kuat," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan pekerja dan pegawai supaya mereka tidak lupa bahawa majikan yang maju dan negara yang makmur tetap akan memberi keuntungan kepada mereka secara langsung melalui tambahan pendapatan dan secara tidak langsung melalui kemudahan seperti kemudahan persekolahan untuk anak, hospital dan klinik, jalan dan ribuan manfaat lain.

Negara-negara yang maju, katanya, ada banyak kemudahan yang termoden dan lengkap diberi kepada orang ramai kerana pendapatan kerajaannya tinggi, hasil ketinggian pengeluaran rakyat.

Perdana Menteri juga tidak mahu rakyat menjadi masyarakat yang bergantung kepada subsidi. "Adalah perlu kita menghapuskan pemikiran subsidi jika kita benar-benar ingin meningkatkan daya pengeluaran," katanya.